

Pensyarah yang hadir pada **pembentangan Manuskrip Surat-Surat Melayu Estetika Yang Diabaikan** oleh Ab Razak di ATMA, UKM.

[FOTO ZUNNUR AL SHAFIQ | BH]

Kajian estetika pada iluminasi surat Melayu

» Simpan rahsia ketinggian budi, kesantunan bahasa tamadun silam

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

Sepeucuk surat Melayu menyimpan seribu satu rahsia. Bukan hanya berkongsi maklumat, surat Melayu boleh disifatkan sebagai khazanah yang menyimpan rahsia budaya dan peradaban termasuk sekiranya disorot dari aspek estetika atau keindahannya.

Bagaimanapun tidak banyak kajian estetika surat Melayu dibuat meskipun ia diterima sebagai sebahagian manuskrip Melayu. Kebanyakan kajian tentang surat Melayu sedia ada, tertumpu kepada isi kandungan dan wacana sehingga seba-

ngan kecil sarjana saja yang melihat aspek iluminasi atau seni hias.

Mungkin satu daripada sebabnya, surat Melayu itu berbebaran di seluruh dunia kesan daripada penjahatan dan perdagangan. Selain Muzium British, antara institusi yang banyak menyimpan surat Melayu ialah di Leiden dan Lisbon.

Satu lagi faktor aspek iluminasi kurang dikaji adalah disebabkan aspek budaya dan bahasa yang digunakan dalam surat itu memerlukan kepakaran kajian dari aspek sosiolinguistik dan budaya semasa yang tidak banyak dimiliki oleh pengkaji.

Hal itu dikupas oleh Pensyarah Jabatan Bahasa, Akademi Pengajian

Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Ab Razak Ab Karim pada Wacana Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) berjudul *Manuskrip Surat-surat Melayu: Estetika yang Diabaikan* di ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, baru-baru ini.

Ab Razak berkata, persoalan estetika dan keindahan yang terdapat dalam surat Melayu boleh dikategorikan kepada aspek fizikal dan sudut budaya.

Gaya ungkapan surat

"Bahagian pertama ialah menyorot keindahan dari sudut fizikal, iaitu iluminasi pada surat Melayu, manakala estetika dari sudut budaya masyarakat alam Melayu pula tidak dapat dilihat melalui pancaindera, sebaliknya pemahaman nilai keindahan budayanya yang disisip pada gaya dan ungkapan penulis surat.

"Estetika yang pertama dilihat melalui paparan pelbagai bentuk dan gaya iluminasi dengan pelbagai motif. Terdapat juga pengaruh unsur alam sekeliling bagi menggambarkan keindahan ciptaan Tuhan," katanya.

Tambah Ab Razak, komponen penting dalam surat ialah bingkai surat, bingkai teks, hiasan sisi kanan dan kiri serta hiasan atas teks.

"Di bahagian itulah selalunya iluminasi itu dibuat. Umumnya iluminasi dibina terlebih dulu, manakala teks dimasukkan kemudian. Justeru, menjadi kebiasaan menemui lebihan teks di sisi kanan atau kiri surat," katanya.

Ab Razak berkata, estetika kedua berkait dengan unsur kesopanan atau budaya bahasa yang digunakan oleh masyarakat alam Melayu yang begitu halus serta hormat kepada penerima dan pengirim surat itu.

Metafora unsur alam

"Estetika pada sudut budaya boleh dilihat pada kepala surat, cap, kata puji-pujian dan prapenutup. Iluminasi pada kepala surat dianggap sebagai permulaan surat dan berada di bahagian paling atas.

"Ia boleh dilihat melalui penggunaan pelbagai gaya dan kaligrafi yang unik, selain penggunaan ungkapan nama Tuhan dan bentuk kiasan," katanya.

Beliau berkata, penggunaan ungkapan dalam surat Melayu juga menarik untuk diperhatikan kerana ungkapan yang digunakan berkaitan dengan metafora, selain penggunaan unsur cahaya, bulan, bintang dan matahari.

"Unsur itu bergabung antara satu sama lain dengan semantik tertentu seperti *Nur al-Syam wal-Qamar al-Syam Wa al-Qar al-Nujum*.

"Cap juga menentukan kesahihan sepeucuk surat yang dihantar kepada penerima yang memiliki pelbagai bentuk seperti bulat, bujur dan bulat dengan bilangan kelopak tertentu. Cap yang digunakan menjadi jati diri pengirim dan bentuknya mempunyai fal-

safah tertentu," katanya.

Ab Razak berkata, kata-kata pujian juga sebahagian daripada sifat estetika surat Melayu kerana penggunaan unsur semantik yang tersirat, sekali gus menggambarkan nilai kesopanan yang tinggi daripada pengirim kepada penerima.

Gambaran hati, niat

"Kata-kata pujian ini adalah sebahagian teknik pembuka komunikasi sebelum sesuatu hajat dibuat. Penggunaan frasa tertentu yang bersifat selektif seperti suci putih hati dan tulus ikhlas menggambarkan ketulusan hati dan niat ikhlas pengirimnya," katanya.

Beliau turut menarik perhatian khalayak terhadap prapenutup surat yang pada kebiasaannya mengandungi salam mesra, pemberian hadiah, doa atau ungkapan indah dan beradab.

"Pemaparan budaya Melayu tergambar dalam pemberian hadiah dan doa. Unsur kontras menarik untuk dilihat yang selalunya ditandai dengan kata-kata 'tiada-hanyalah' yang mempunyai maksud sebaliknya.

"Sajanya, tiadalah apa hanya ini saja yang mampu diberi, tetapi pemberian itu sangat besar dan hebat," katanya.

Tambah Ab Razak, surat Melayu kaya dengan pelbagai iluminasi yang mencerminkan kehalusan seni budaya masyarakat zaman lampau, manakala kajian estetika khazanah sejarah ini juga mampu menangkap budaya kesopanan berbahasa yang unggul.

"Pujian ini adalah sebahagian teknik pembuka komunikasi sebelum sesuatu hajat dibuat. Penggunaan frasa tertentu yang bersifat selektif seperti suci putih hati dan tulus ikhlas menggambarkan ketulusan hati pengirimnya"

Ab Razak Ab Karim,
Pensyarah Jabatan
Bahasa APM UM

